

Penerokaan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Kad Imbas Terhadap Kanak-kanak Prasekolah

(An Exploration of Teaching and Learning Practice Using Flashcards for Preschoolers)

Saripah Selamat^{1*} , Kamariah Abu Bakar²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p110336@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: kamariah_abubakar@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Saripah Selamat

(p110336@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pengajaran dan pembelajaran (PdP)

Bahan bantu mengajar (BBM)

Kad imbas

Kanak-kanak prasekolah

KEYWORDS:

Teaching and learning (PdP)

Teaching aids (BBM)

Flashcards

Preschoolers

CITATION:

Saripah Selamat & Kamariah Abu Bakar.
(2023). Penerokaan Amalan Pengajaran
dan Pembelajaran Menggunakan Kad Imbas
Terhadap Kanak-kanak Prasekolah.
*Malaysian Journal of Social Sciences and
Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002180.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2180>

ABSTRAK

Kad imbas sangat lazim digunakan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kanak-kanak prasekolah sejak abad ke-19. Kajian kes ini meneroka amalan PdP yang berasaskan kad imbas sebagai BBM yang digunakan oleh tiga orang guru prasekolah yang terdiri daripada tiga sektor yang berbeza, iaitu prasekolah kerajaan, prasekolah swasta, dan pusat perkembangan kanak-kanak. Data diperoleh dengan pengaplikasian teknik triangulasi iaitu menerusi gabungan kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Dapatan menggambarkan cara penggunaan kad imbas secara terperinci yang meliputi tiga aspek utama iaitu pelaksanaan, teknik, dan strategi. Setiap guru didapati memberikan perincian yang tersendiri, iaitu berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka sepanjang menggunakan kad imbas dalam PdP terhadap kanak-kanak prasekolah. Hal ini membuktikan wujudnya kepelbagaian dalam penggunaannya kerana tiada tetapan tetap atau standard berkaitannya. Implikasinya, amalan pelbagai cara penggunaan kad imbas dalam PdP, menjadikan BBM jenis ini sentiasa relevan untuk digunakan oleh para guru prasekolah.

ABSTRACT

Flashcards are commonly use as teaching aids in the teaching and learning of preschoolers since the 19th century. This case study explores the use of flashcards as the teaching aids in teaching and learning practice by three preschool teachers from three different sectors, which are government preschool, private preschool, and children development centre. Data obtained by the applications of triangulation technique through a combination method of interview, observation, and document analysis. The findings illustrate ways of using the flashcards in detail from three main aspects: implementation, technique, and

strategy. Each teacher has provided their respective detailed input based on their experience and knowledge about using the flashcards in teaching and learning for preschoolers. It proves the existence of diversity in its use, as there are no fixed or standard settings. As a result, various ways of using flashcards in the teaching and learning practice make this type of teaching aid always relevant to be used by preschool teachers.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berasaskan kad imbas sebagai bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru prasekolah terhadap kanak-kanak prasekolah, yang meliputi tiga aspek utama iaitu pelaksanaan, teknik, dan strategi penggunaan.

1. Pengenalan

Pendidikan prasekolah telah mula berkembang di Malaysia sejak tahun 50-an lagi ([Hussin, 1996](#)). Ketika itu, hanya kanak-kanak daripada golongan atasan sahaja yang mempunyai peluang untuk merasai pengalaman pembelajaran tersebut atas sebab penetapan kadar yuran yang tinggi. Kini, pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan dalam menaiktarafkan serta memartabatkan pendidikan prasekolah dalam negara. Antara inisiatif yang diberi perhatian oleh kerajaan ialah dari segi penambahbaikan dan pemantapan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di peringkat pendidikan prasekolah. Sungguhpun pelbagai inisiatif telah disuntik terhadap PdP, namun ia tetap terpalit oleh isu-isu yang berkaitan. Berdasarkan senario ini, isu dari segi aspek bahan bantu mengajar (BBM) dalam PdP merupakan isu yang sering diperkatakan.

Lazimnya, pendidikan prasekolah dan bahan bantu mengajar (BBM) mempunyai perkaitan yang sangat signifikan antara satu sama lain. Ia sebagaimana yang termaktub dalam Garis Panduan Prasekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menggariskan bahawa menjadi suatu tugas dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh guru untuk memilih dan menyediakan BBM serta peralatan mengikut kesesuaian kanak-kanak yang meliputi aspek keperluan, kesediaan dan perkembangan mereka. Secara amnya, bahan bantu mengajar (BBM) merupakan antara kaedah alternatif yang digunakan oleh pendidik untuk membantunya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ia dianggap sebagai suatu elemen yang penting dalam proses PdP kerana kaedah ini dikatakan mampu menyalurkan maklumat dengan lebih jelas dan berkesan. Kebanyakan pendidik juga bersetuju tentang penggunaan BBM dalam PdP mampu memberikan suatu pengalaman dan situasi yang berbeza bergantung kepada pelbagai keadaan yang wujud ([Sang, 1981](#)).

Kad imbas merupakan antara BBM yang telah mewujudkan suatu fenomena evolusi dalam penggunaannya, terutamanya dari segi amalan, iaitu cara penggunaannya. Penggunaan kad imbas sebagai BBM telah diguna pakai secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran, bukan sahaja di peringkat pendidikan prasekolah tetapi pada pelbagai peringkat pendidikan yang lain. Namun, kad imbas telah menjadi suatu medium yang cukup terkenal di peringkat pendidikan prasekolah. Pada asasnya, kad imbas tergolong dalam BBM jenis visual iaitu bergambar atau bertulis ([Dewi, 2020](#)). Penggunaannya merupakan salah satu cara yang mudah dan berkesan untuk

diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia dilihat bersesuaian dengan prinsip amalan pendidikan awal kanak-kanak iaitu bermain sambil belajar.

Walaupun bagaimanapun, dengan lambakan pelbagai bentuk BBM pada hari ini, kad imbas telah dilabel sebagai suatu medium pengajaran dan pembelajaran tradisional. Penggunaannya di dalam mahu pun di luar bilik darjah akan sedikit sebanyak dipengaruhi oleh keadaan ini. Hal ini kerana bukan semua kanak-kanak mempunyai tahap penerimaan yang sama. Pendedahan terhadap pelbagai jenis media yang terdapat di persekitaran kanak-kanak merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada keadaan tersebut. Maka, penggunaan kad imbas sebagai BBM dalam PdP perlu selari dengan minat kanak-kanak pada masa kini. Minat kanak-kanak abad ke-21 pada dasarnya amat berbeza. Mereka lebih mudah tertarik kepada PdP yang menggunakan teknologi, seperti BBM yang berasaskan multimedia gabungan elemen visual, audio dan teks, berbanding kaedah konvensional (Madar, Mohaiyiddin, Mustafa, & Buntat, 2009). Malah, permintaan terhadap penambahan elemen animasi grafik berbanding grafik statik dalam penggunaan multimedia juga semakin tinggi (Dahlqvist, 2000).

Dengan ini, menjadi suatu cabaran bagi guru untuk menyelaraskan keadaan tersebut bersama penggunaan kad imbas dengan isi kandungan PdP yang perlu disampaikan dalam memastikan kualiti pendidikan prasekolah yang sempurna. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berasaskan kad imbas sebagai bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru terhadap kanak-kanak prasekolah pada masa kini.

2. Sorotan Literatur

2.1. Pengajaran dan Pembelajaran Kanak-Kanak Prasekolah

Pengajaran dan pembelajaran merupakan dua konsep penting dalam pendidikan prasekolah. Kedua-dua konsep berkenaan mempunyai makna dan prinsipnya yang tertentu. Pengajaran merupakan segala perihal yang berkaitan dengan mengajar, seperti cara, sistem, aspek dan sebagainya. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula menyatakan bahawa pengajaran merupakan suatu aktiviti yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan yang merangkumi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Dalam konteks pendidikan prasekolah, pengajaran boleh didefinisikan sebagai segala hal yang diajar oleh guru prasekolah kepada kanak-kanak prasekolah dalam usaha untuk membantu mereka memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai, dan sikap melalui pelbagai kaedah dan pendekatan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Dengan erti kata lain, pengajaran merupakan suatu proses untuk membekalkan kanak-kanak prasekolah dengan ilmu pengetahuan serta keperluan-keperluan lain yang diperlukan oleh mereka dalam mencapai potensi diri dan menjalani kehidupannya. Maka, menjadi suatu keutamaan bagi guru prasekolah untuk memberi perhatian terhadap beberapa perkara dalam pengajaran kanak-kanak prasekolah. Antaranya ialah:

- i. Kanak-kanak secara individu;
- ii. Isi kandungan;
- iii. Pendekatan, kaedah dan teknik;
- iv. Persekitaran dan ruang bilik darjah.

Sementara itu, pembelajaran juga turut membawa makna yang luas seperti pengajaran. Pembelajaran merujuk kepada suatu proses atau kegiatan belajar. Bagi Anita (1995),

pembelajaran merupakan suatu proses dimana pengalaman mengakibatkan berlakunya perubahan dalam pengetahuan dan tingkah laku yang kekal dalam diri individu. Jadi, pembelajaran bukan hanya melibatkan penguasaan sesuatu ilmu pengetahuan atau kemahiran sahaja, tetapi turut mempengaruhi perkembangan emosi, sikap dan nilai. Tambahan, prosesnya dianggap berlaku sebaik sahaja seseorang dilahirkan dan ia berterusan sepanjang hayatnya. Pembelajaran juga tidak terhad untuk berlaku hanya di institusi pendidikan sahaja. [Schunk \(1991\)](#) pula menyatakan bahawa pembelajaran ialah suatu proses pemerolehan, pengubahsuaian, pembentukan, dan penguasaan sesuatu ilmu pengetahuan, kemahiran, kepercayaan, dan tingkah laku yang berlaku dalam diri seseorang individu. Dari sudut pendidikan prasekolah, konsep pembelajaran merujuk kepada pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran dan konsep-konsep oleh kanak-kanak prasekolah yang dipercayai oleh guru prasekolah dan sistem pendidikan prasekolah boleh digunakan oleh mereka dalam kehidupan dan pada masa hadapan.

Berbalik kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) prasekolah, terdapat beberapa prinsip asas PdP yang sering diberi penekanan apabila melibatkan PdP prasekolah iaitu ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018](#)):

- i. Kanak-kanak berkembang secara menyeluruh;
- ii. Perkembangan kanak-kanak mengikut urutan yang standard;
- iii. Perkembangan kanak-kanak mengikut tahap yang berbeza-beza sama ada dalam dirinya sendiri (interpersonal) ataupun antara kanak-kanak lain (intrapersonal).

Senario PdP prasekolah yang dibincangkan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan guru prasekolah dalam membantu kanak-kanak prasekolah berkembang seperti mana yang diharapkan. Merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Prasekolah yang disediakan oleh [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2018\)](#), pengajaran dan pembelajaran (PdP) prasekolah merupakan suatu tugas dan tanggungjawab yang disandarkan kepada guru prasekolah. Oleh itu, guru prasekolah perlu fokus dan bijak dalam mengatur strategi PdP bagi kanak-kanak prasekolah. Pengajaran dan pembelajaran yang bermakna kepada kanak-kanak prasekolah sebenarnya berlaku apabila wujudnya pendekatan yang menarik yang mampu menarik minat mereka termasuklah dengan bantuan bahan bantu mengajar yang digunakan.

2.2. Bahan Bantu Mengajar Prasekolah

Berdasarkan kajian oleh [Meng \(1997\)](#), pengajaran dan pembelajaran (PdP) tradisional iaitu berpusatkan guru bersifat pasif kerana ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru melalui pendekatan ini melibatkan komunikasi satu hala. Maka, murid-murid akan mudah berasa bosan, terganggu dan tidak berminat dengan sesi tersebut. PdP sedemikian dilihat tidak mampu untuk membantu kelancaran sebarang penyaluran ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dilihat sebagai suatu penyelesaian bagi menyelamatkan keadaan tersebut. BBM merupakan suatu kaedah alternatif yang digunakan oleh tenaga pengajar untuk membantu mereka semasa sesi PdP dilaksanakan ([Norfarizah & Zazril, 2016](#)). Malah, terdapat banyak kajian yang menyokong kesan positif yang dibawa oleh BBM dalam PdP. Seperti mana yang dibuktikan menerusi kajian [Unggang \(2008\)](#), BBM mampu menjelaskan matlamat yang ingin disampaikan dalam sesi PdP, mengekalkan minat murid serta prestasi mereka. Melalui BBM juga, galakan dapat diberikan kepada murid untuk terus belajar dan memahami apa yang dipelajarinya.

Selaras dengan peredaran masa, corak penggunaan BBM juga perlu diubah suai mengikut kesesuaian konteks PdP, terutamanya apabila ia melibatkan peringkat pendidikan prasekolah. Papan tulis yang sering menjadi BBM pilihan para guru semakin dianggap sebagai tidak relevan untuk digunakan dalam PdP prasekolah. Papan tulis disifatkan sebagai BBM konvensional dalam kalangan guru prasekolah. Berdasarkan kajian yang sedia ada, BBM jenis ini pada dasarnya tidak mampu untuk menarik minat kanak-kanak prasekolah (Norfarizah & Zazril, 2016). Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Nurdiyana, Muaz dan Hazwani (2021), BBM yang bersifat interaktif dilihat bersesuaian untuk digunakan dalam PdP prasekolah dan kanak-kanak prasekolah. Banyak manfaat yang dapat dikesan melalui penggunaannya seperti PdP menjadi lebih berkesan, bermakna dan menyeronokkan. Di sini, jelas menuntut keperluan untuk guru prasekolah bersikap inovatif dan kreatif dalam merancang dan menyediakan BBM.

2.3. Penggunaan Kad Imbas dalam Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah

Kad imbas ialah suatu bahan asas dalam bidang pendidikan khususnya pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada peringkat prasekolah. Penyataan ini dibuktikan dengan penggunaan kad imbas sejak abad ke-19 untuk membantu pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak yang diusahakan oleh Favell Lee Mortimer (Lourdes & Silvana, 2011). Menurut Lourdes dan Silvana (2011) dalam penyelidikan mereka, Mortimer merupakan orang pertama yang menggunakan kad imbas dan ia bermula dengan hasratnya yang ingin membantu kanak-kanak di kawasanya untuk membaca. Secara asalnya, kad tersebut menggunakan konsep warna putih sahaja dan berupa kertas dalam bentuk kad berindeks yang bersaiz kecil dan besar. Penghasilan nota suku kata oleh Mortimer telah dianggap sebagai kad imbas yang pertama di dunia (Lourdes & Silvana, 2011). Paola dan Esmeralda (2011) mentafsirkan kad imbas sebagai satu set kad yang mempunyai maklumat di atasnya, seperti imej, kata-kata atau nombor yang diletakkan pada satu atau kedua-dua belah kad. Mereka juga menyatakan bahawa kad imbas boleh mengandungi perbendaharaan kata, tarikh, formula, dan pelbagai perkara bergantung pada tema atau topik yang ingin digunakan. Turut diperakui oleh Roberto (1964) dalam karyanya yang menyatakan kad imbas ialah satu set kad dengan perkataan atau frasa di satu sisi, manakala maknanya berada di satu sisi yang lain.

Berdasarkan penyataan-penyataan tersebut, dapat diringkaskan disini bahawa kad imbas ialah suatu medium berbentuk set kad yang mengandungi sejumlah kad dengan topik tertentu yang digunakan untuk tujuan penyampaian maklumat dalam konteks yang ringkas dan mudah kepada pengguna dan penerima. Ciri-cirinya pula terdiri daripada mempunyai dua sisi iaitu bahagian hadapan dan belakang dan mengandungi imej, perkataan atau nombor di atasnya. Kini, kad imbas boleh didapati dalam pelbagai bentuk, saiz, warna dan meliputi pelbagai tema atau topik. Namun, merujuk kepada saranan tentang spesifikasi kad imbas oleh Glenn Doman, kad imbas yang berkualiti terdiri daripada kad yang bersaiz besar iaitu panjangnya satu setengah keping kertas A4, menggunakan latar belakang kad berwarna putih, mengandungi imej atau teks sahaja, menerapkan imej yang berkualiti serta berwarna terang, mempunyai teks yang minimum, menggunakan teks yang bersaiz besar serta berwarna merah atau hitam, mempunyai penerangan di bahagian belakang kad untuk rujukan pengguna, dan tersusun (Madeleine, 2010). Spesifikasi tersebut ternyata dapat menjamin kualiti kad imbas yang terhasil kerana ia mampu menghasilkan kandungan kad imbas yang jelas dan bermutu tinggi.

Menurut [Cohen \(1996\)](#) pula, kad imbas sesuai untuk digunakan sebagai bahan asas bantu mengajar kanak-kanak prasekolah atas tiga sebab utama iaitu kad imbas menggalakkan:

- i. *'active recall'* yang berkaitan dengan prinsip pembelajaran efisien yang melibatkan rangsangan yang aktif terhadap ingatan individu, sebagai contoh individu melihat imej atau perkataan di kad imbas dan cuba untuk mengembalikan ingatannya tentang perkara tersebut;
- ii. fungsi metakognitif yang optimum mempunyai perkaitan dengan keupayaan untuk menyimpan maklumat;
- iii. pengulangan yang diyakini yang bermaksud kemampuan dalam meningkatkan prestasi daya ingatan.

Berdasarkan penerangan tersebut, kanak-kanak prasekolah umumnya dilihat sebagai kumpulan yang sesuai untuk amalan PdP berasaskan kad imbas. [Heri dan Ariana \(2018\)](#) melihat penggunaan kad imbas dalam mengembangkan keupayaan kognitif kanak-kanak melalui pendekatan penggunaan kad imbas yang ringkas dalam PdP. Sebagai contoh, pengenalan huruf, haiwan, warna dan sebagainya. Pendedahan kepada pengetahuan sedemikian yang berbentuk ringkas ini akan memudahkan kanak-kanak untuk mengingatnya. Tambahan, kombinasi antara gambar bersama teks di dalam kad imbas akan melatih memori kanak-kanak selain meningkatkan keupayaan kognitif mereka. [Doman dan Doman \(2006\)](#) juga berhujah bahawa kad imbas mampu membantu merangsang perkembangan minda bayi dan kanak-kanak tidak kira dari mana tahap umur sekali pun, melalui nilai keseronokan yang dibawanya. Malah berdasarkan kajiannya, kanak-kanak yang berumur enam tahun ke bawah mempunyai kelebihan untuk mengingat imej, perkataan dan nombor dengan mudah. Maka, dengan menggunakan pemahaman tersebut, beliau melihat penggunaan kad imbas terhadap kumpulan ini amat sesuai dan saling melengkapi. Penyampaian maklumat kepada kanak-kanak akan menjadi sangat efektif melalui kad imbas, selain kanak-kanak juga akan lebih bermotivasi untuk terlibat dalam proses PdP secara keseluruhan.

Tambahan lagi, [Lourdes dan Silvana \(2011\)](#) juga menekankan bahawa penggunaan kad imbas sebagai BBM dalam PdP kanak-kanak prasekolah merupakan suatu pendekatan yang bijak. Hal ini kerana kad imbas memberi peluang kepada guru untuk menerapkan pelbagai cara yang berbeza untuk penggunaannya dalam pelaksanaan PdP. Antara strategi bagi cara penggunaannya menurut [Lourdes dan Silvana \(2011\)](#) ialah melalui permainan dan aktiviti kad imbas. Strategi bermain ini dikatakan berupaya memberikan rangsangan yang positif terhadap perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak terutamanya dari segi pertuturan, bahasa dan kognitif. Melalui bermain, kanak-kanak diberi peluang untuk meneroka dan berinteraksi dalam lingkungan persekitaran mereka. Antara permainan dan aktiviti yang dicadangkan ialah *Flashcard Pictionary*, *Music with Flashcard*, *Memory Games*, dan sebagainya. Selain itu, pendigitalan kad imbas merupakan salah satu pendekatan penggunaan yang baharu diberi perhatian dalam bidang pendidikan. Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh [Green dan Bailey \(2020\)](#), kad imbas digital direka sama seperti kad imbas fizikal. Kad imbas digital memberikan pengalaman yang bersifat elektronik kepada penggunanya termasuk dari segi akses kepada bahan kad imbas, amalan penggunaan dan pencetakannya. Antara tiga sebab yang dapat dikenal pasti dalam pemilihan penggunaan kad imbas digital dalam PdP ialah ciri kebebasan dalam penggunaannya, susunan kad yang tersedia, dan berasaskan web.

Secara amnya, guru perlu kreatif dalam menggunakan kad imbas sebagai BBM mereka untuk tujuan membantu perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak. Kemahiran guru untuk mengolah penggunaan kad imbas agar dapat menarik perhatian kanak-kanak, di samping mengekalkan nilai keseronokan dalam penggunaannya menjadi suatu perkara yang perlu diberi perhatian. Oleh itu, penggunaan kad imbas pada asasnya dilihat melibatkan pengintegrasian pelbagai aspek bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan terhadap kanak-kanak prasekolah oleh guru bermakna dan berkesan.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Pemilihan reka bentuk kajian umumnya ditentukan oleh tujuan kajian yang telah ditetapkan dalam penyelidikan tersebut (Piaw, 2021). Seperti mana yang telah dinyatakan di bahagian terdahulu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji isu utamanya iaitu amalan penggunaan kad imbas sebagai BBM yang digunakan oleh guru dalam PdP terhadap kanak-kanak prasekolah. Berdasarkan tujuan kajian tersebut, reka bentuk kajian yang terbaik untuk penyelidikan ini ialah jenis bukan eksperimental, iaitu penyelidikan kualitatif. Secara teknikalnya, pendekatan penyelidikan kualitatif membantu dalam memahami elemen-elemen yang berkaitan dan dalam meneroka pelbagai perspektif yang berkaitan dengan isu kajian.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, bidang penyelidikan yang berkaitan dengan bahan bantu mengajar jenis kad imbas ditandai dengan kurangnya perkembangan dari konteks kesajaranaannya yang melibatkan penggunaannya. Justeru, strategi kajian kes dilihat sesuai diterapkan dalam penyelidikan ini. Kajian kes pada asasnya mampu mengumpulkan maklumat secara mendalam dan terperinci tentang penggunaan kad imbas yang dikaji. Melalui kajian kes, penyelidik memperoleh data yang berbentuk penerokaan. Lantas, ia memudahkan penyelidik untuk membina penyataan serta penerangan dari sudut bidang penyelidikan ini.

Menurut Neuman (2010), teknik kajian merupakan suatu proses khusus yang melibatkan pengumpulan, penganalisisan dan pelaporan penemuan. Dalam konteks penyelidikan ini, penyelidik memilih untuk menerapkan beberapa kombinasi teknik kajian di dalamnya. Kombinasi pelbagai teknik ini turut dikenali sebagai triangulasi iaitu suatu teknik kajian yang menggunakan dua atau lebih kaedah pengumpulan data (Cohen, Manion, & Morrison, 2004). Antara teknik kajian yang digunakan oleh penyelidik ialah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Penggunaan kombinasi teknik ini diyakini dapat mengukuhkan data kajian seperti mana yang diperakui oleh Ruenwai (2006), Robson (2011) dan Creswell (2014). Dalam waktu yang sama, teknik triangulasi ini mampu memberi gambaran daripada pelbagai perspektif terhadap perkara yang dikaji (Patton, 2002) dan merupakan cara terbaik untuk mengesahkan penyelidikan kualitatif (Cho & Trent, 2006).

3.2. Peserta Kajian

Merujuk kepada penyataan Piaw (2021), bilangan peserta kajian dalam suatu kajian kes ditentukan bergantung kepada keadaan isu yang dikaji. Dalam konteks penyelidikan ini, penyelidik memerlukan gambaran yang meluas dan menyeluruh bagi memahami isu utamanya secara terperinci. Bagi mencapai matlamat ini, tiga orang guru prasekolah

dari tiga sektor berbeza iaitu prasekolah kerajaan, prasekolah swasta, dan pusat perkembangan kanak-kanak dipilih sebagai peserta kajian melalui persampelan bertujuan. Antara kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik bagi persampelan ini ialah guru yang berpengalaman mengajar kanak-kanak prasekolah antara 5 tahun ke atas sama ada di prasekolah kerajaan, swasta atau pusat perkembangan kanak-kanak, berpengetahuan dalam pendidikan awal kanak-kanak terutama berkenaan BBM iaitu kad imbas, dan bersedia secara sukarela untuk menjadi peserta kajian. Pemilihan ini bersumber pada pengetahuan sedia ada penyelidik tentang mereka, di samping rekomendasi pihak pentadbir pusat pendidikan awal kanak-kanak (PPAKK) masing-masing.

Peserta kajian dilabel sebagai CIKGU, TEACHER, dan SENSEI bagi mewakili hasil dapatan kajian. [Jadual 1](#) meringkaskan profil demografi peserta kajian.

Jadual 1: Profil Demografi Peserta Kajian

Peserta Kajian	CIKGU	TEACHER	SENSEI
Jantina	Perempuan	Perempuan	Perempuan
Tahap Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda	Diploma	Diploma
Jenis PPAKK	Prasekolah kerajaan	Prasekolah swasta	Pusat perkembangan kanak-kanak – Right Brain Education
Tempat Bertugas	Bangi, Selangor.	Kajang, Selangor.	Kuala Lumpur
Jawatan	Guru biasa	Guru biasa	Pengurus Bahagian Pengajaran dan Pembelajaran
Pengalaman Mengajar	15	7	12

3.3. Kaedah Pengumpulan Data dan Analisis Data

Data yang dikumpulkan melalui teknik triangulasi dibahagikan kepada dua jenis sumber data, iaitu data utama dan data sokongan. Sumber data utama ialah data daripada temu bual, manakala data sokongan merupakan data daripada pemerhatian dan dokumen-dokumen yang terlibat seperti perancangan pengajaran guru, penghasilan kad imbas dan rekod penggunaan kad imbas.

Bagi data temu bual, soalan temu bual dibina berdasarkan objektif kajian yang ingin meneroka cara penggunaan kad imbas oleh guru dalam PdP kanak-kanak prasekolah. Ciri soalan yang digunakan dalam temu bual adalah soalan terbuka dan separa struktur. Soalan yang bercirikan sedemikian sesuai untuk penyelidikan dengan sifat penerokaan ([Aberbach & Rockman, 2002](#)). Melaluinya, penyelidik dapat meneroka dengan lebih mendalam tentang penggunaan kad imbas dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap kanak-kanak prasekolah oleh para peserta kajian yang telah disasarkan. Bagi kesahan dan kebolehpercayaan temu bual, seorang pensyarah pakar pendidikan awal kanak-kanak telah menilai dan menyemak soalan serta prosedur temu bual. Kajian rintis juga turut dilakukan oleh penyelidik untuk mengenal pasti kebolehlaksanaan temu bual ini. Data yang diperolehi daripada temu bual dicatatkan serta direkodkan, dan kemudiannya diinterpretasikan ke dalam teks atau transkripsi untuk tujuan analisis.

Seterusnya, pemerhatian dilakukan dengan bantuan daripada peserta kajian. Para peserta berkongsi dengan jelas dan terperinci tentang penggunaan kad imbas di tempat bertugas masing-masing. Bagi analisis dokumen pula, penyelidik telah menggunakan alat pengumpulan data seperti penyelidikan kepustakaan dan penyelidikan berasaskan web untuk mencari sumber bacaan yang berkaitan. Penyelidik juga mengumpul data dari rekod lokasi kajian. Analisis pengintegretasian digunakan bagi menganalisa penemuan daripada kaedah pemerhatian terhadap penggunaan kad imbas yang dilaksanakan di ketiga-tiga lokasi kajian berserta dokumen-dokumen berkaitan yang dirujuk.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini memberi perhatian kepada persoalan kajian tentang cara penggunaan kad imbas oleh guru dalam PdP kanak-kanak prasekolah. Antara tema yang diketengahkan ialah pelaksanaan, teknik dan strategi. Tambahan, perlu dinyatakan di sini bahawa didapati peserta kajian kerap menggunakan terma '*flashcards*' berbanding 'kad imbas' dalam temu bual yang dilaksanakan. Maka, kebanyakan dapatan temu bual yang dikemukakan di bahagian seterusnya akan terdapat terma '*flashcards*'.

4.1. Tema 1: Pelaksanaan

Analisis hasil dapatan kajian temu bual (Jadual 2) melalui soalan kajian yang diajukan kepada para peserta kajian iaitu, apakah langkah-langkah yang terlibat dalam penggunaan kad imbas; yang merujuk kepada tema pelaksanaan; menunjukkan bahawa penggunaan kad imbas melibatkan proses pelaksanaan berserta prosedur yang jelas dan teratur. Elemen ini digambarkan dengan baik dan mudah oleh ketiga-tiga peserta kajian.

Jadual 2: Dapatan Temu Bual bagi Tema Pelaksanaan

Peserta Kajian	Dapatan Kajian
CIKGU	"...Setiap tema kita akan guna. Ditambah dengan bahan-bahan lain yang digunakan bersama untuk pengukuhan. Kita cuba lengkapkan setiap tema. Kalau ikut tema, lebih kurang 40 set <i>flashcards</i> dalam koleksi. Dalam 1 set ada lebih kurang 28 kad. Ikut minggu dalam 40 hingga 43 minggu, tapi minggu itu akan berulang kad yang sama dalam 3 minggu hingga 4 minggu, ulang balik atau pun bagi mereka tengok, main...Kita banyak buat dan guna semasa induksi, tiada spesifik subjek. Tapi kebanyakannya masa Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris. Mula-mula kita perkenalkan benda itu, tulis perkataan supaya kenal huruf. <i>Maths</i> kurang guna, sebab kita banyak membilang...Untuk rekod, kita masuk dalam data, semua peralatan dalam kelas kita catat, ada nombor siri...Untuk simpan, <i>flashcards</i> simpan tidak susah, sebab ada rak tersendiri. Tidak bercampur. Ada yang kita simpan dalam bilik stor, ada yang kita letak di rak dalam kelas..."
TEACHER	"...Untuk persediaan penggunaan kad tu, kita kena sediakan kad tu dahulu. Kad ni tak leceh nak gunakan. Kita Cuma kena ambil sahaja bila perlu... Yang banyak saya gunakan <i>flashcards</i> bila, subjek Bahasa inggeris. Kita guna untuk aktiviti. Untuk matematik, kita nak kenal nombor. Contoh saya ada dua kad yang dipegang, dengan dua nombor yang berbeza, jadi saya tanya pada pelajar, kad mana nombor yang saya nak...Cuma kena simpan betul-betul. Kena simpan elok-elok ikut tajuk, tersusun. Penjagaan dia penting. Sebab kalau berseparah susah juga nak gunakan nanti..."

SENSEI *"...Here, we have a team to prepare the flashcards, who will prepare the material. They will have a dateline to prepare it. For example, for standard, within a week they need to come out with 10 topics, they will roughly need to find 100 above pictures related to the topics. For us, easy for us to list down, but to find a suitable picture, it will take time, for example a Russian salad, of course we can find thousands picture of it, but remember I said, we need to see the colour contrast. Currently, we have done a sufficient topic to input to the kids, so all the flashcards are previously prepared by our staff. So, for the cards, teaching and learning department will collaborate with material department to manage the cards... We have a planner. Here, we called it as program list. We have weekly list of things that will be conducting in the class. In the list, we will have the topics that we are going to cover...So, the staff who handle it, just prepared and stored accordingly...Way of conducting, for teacher, we will be trained to flash the card, we can't simply flash the card...Here, before we become a teacher, we need to undergo a proper training. We need to undergo flash card training. It will be conduct under teaching and learning department..."*

Para guru prasekolah didapati mengambil berat akan proses pelaksanaan berserta prosedur yang telah ditetapkan di pusat Pendidikan awal kanak-kanak (PPAKK) masing-masing. PPAKK menyediakan proses pelaksanaan berserta prosedur penggunaan kad imbas atas beberapa sebab tertentu, seperti sebagai panduan untuk para guru prasekolah dalam menjalankan penggunaannya dari awal hingga akhir, untuk menjelaskan aliran tugas dan tanggungjawab, dan untuk mengekalkan kualiti penggunaannya. Dengan adanya elemen ini, dijangkakan suatu pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang bermutu tinggi dapat dihasilkan. Dapatan daripada pemerhatian penyelidik yang dilaksanakan di setiap lokasi kajian dan analisis dokumen seperti carta aliran kerja, turut menyokong penjelasan yang telah dikemukakan oleh para peserta kajian. Selain itu, daripada hasil dapatan kajian didapati ketiga-tiga peserta kajian menggunakan kad imbas secara fizikal, iaitu kad imbas bercetak dalam PdP mereka di pusat pendidikan awal kanak-kanak (PPAKK). Malah, kad imbas masih aktif digunakan sebagai salah satu bahan bantu mengajar (BBM) oleh para guru dalam PdP kanak-kanak prasekolah.

Proses pelaksanaan bersama prosedur tersebut dianalisis melalui ketiga-tiga sumber data dan diringkaskan seperti berikut:

- i. Perancangan BBM - Guru akan merancang sesi PdP dan pemilihan BBM mengikut kesesuaian subjek, topik atau aktiviti. Penggunaan kad imbas akan dapat dikenal pasti dalam perancangan tersebut
- ii. Penghasilan kad imbas - Hanya satu daripada tiga peserta kajian iaitu SENSEI yang menjalani prosedur ini kerana pusat pendidikan awal kanak-kanaknya menghasilkan kad imbas sendiri. Penghasilan kad imbas memerlukan pihak yang diberikan tugas untuk mencadangkan atau menetapkan topik, mendapat kebenaran daripada pihak atasan, membuat senarai tentang topik yang dipilih, mencari gambar berkenaan topik, membuat semakan, dan mencetak kad imbas. Manakala, peserta-peserta kajian yang lain iaitu CIKGU dan TEACHER membeli produk kad imbas yang sedia ada di pasaran. Selain itu, CIKGU juga turut menerima kad imbas daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.
- iii. Penyediaan kad imbas - Pihak yang ditugaskan akan menyediakan kad imbas untuk digunakan dalam sesi PdP di bilik darjah berdasarkan perancangan yang telah dilakukan. Kualiti iaitu keadaan fizikal dan isi kandungan kad imbas turut disemak sebelum kad imbas digunakan oleh guru kepada kanak-kanak prasekolah.
- iv. Penggunaan kad imbas semasa PdP di dalam bilik darjah oleh guru pula bergantung kepada beberapa perkara seperti teknik, strategi dan yang

perancangan yang telah dilakukan oleh pusat pendidikan awal kanak-kanak serta guru tersebut.

- v. Penyimpanan kad imbas - Setelah kad imbas digunakan oleh guru, ia akan disimpan di tempat penyimpanan yang telah disediakan. Kad imbas perlu disimpan dengan baik bagi memastikan ia sentiasa terjaga dan memudahkan ia untuk digunakan semula.

4.2. Tema 2: Teknik

Berdasarkan soalan kajian yang diajukan dalam temu bual iaitu, apakah teknik yang terlibat bagi penggunaan kad imbas dalam PdP; berkenaan tema dapatan teknik; didapati para peserta kajian mengakui kad imbas melibatkan teknik dalam penggunaannya. [Jadual 3](#) membuktikan yang ketiga-tiga peserta kajian mempunyai teknik-teknik yang khusus bagi penggunaan kad imbas.

Jadual 3: Dapatan Temu Bual bagi Tema Teknik

Peserta Kajian	Dapatan Kajian
CIKGU	"...kita sebut..." "...kita berdiri sambil pegang..." "...kita mengangkat..."
TEACHER	"...bercakap dengan suara yang kuat, sebab bagi menarik perhatian pelajar, sebab senang pelajar tangkap apa yang cikgu cakap..." "...Saya letak kad di paras dada dengan berdiri..."
SENSEI	"...saya pegang kad dan tunjuk..." <i>"...For the voice, we will need B voice. Deeper voice. We need a louder voice. But not a scream voice. Because the kids cannot take a high pitch voice..."</i> <i>"...the posture, some will ask why we need to kneel down, because we need to remember we are focusing on 4 to 6 years old kids, and here they are sitting on children height chair, which is not very tall, when we do flashcard, always remember we have to see the children eye level, so that the kids can see. We do not encourage if the cards are too high or too low. How to know whether the height, we usually follow our chest level. The kids can see and the teacher also can see ..."</i> <i>"...When we see you are qualified as teacher, based on the criteria that we set, we will let you to start the teacher training. We will teach the technique, on how to flash, how to flip, to hold the cards. All of this technique are from Japan. Here in Heguru, we are following the Japan style of teaching...the fingers, the left ring finger is like a stand, and our left thumb will be the supporter at the back, like a frame stand, baby finger also will act as supporter. Our right thumb and ring fingers will be the grip when I flash it..."</i>

Antara teknik yang dinyatakan oleh ketiga-tiga peserta kajian ialah teknik vokal. Kad imbas lazimnya memerlukan guru untuk menyebut atau menjelaskan isi kandungan kad kepada kanak-kanak prasekolah. Maka, ia memerlukan guru untuk menerapkan teknik

vokal seperti peletakan suara, sebutan dan pelontaran suara semasa penggunaan kad imbas. Pemerhatian penyelidik semasa sesi PdP ketiga-tiga peserta kajian turut menyokong analisis ini. Dengan teknik ini, PdP mereka didapati lebih mendatangkan impak, seperti penyampaian lebih jelas dan kanak-kanak prasekolah memberi perhatian terhadap pengajaran. Seterusnya, teknik postur juga telah diberi perhatian oleh ketiga-tiga peserta kajian dengan mengambil kira faktor-faktor seperti postur badan guru, paras pegangan kad, dan ketinggian kanak-kanak. Teknik lain yang turut dikemukakan oleh peserta kajian ialah teknik pergerakan tangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tangan merupakan bahagian anggota badan yang utama dan penting dalam penggunaan kad imbas. Didapati kad imbas memerlukan teknik pergerakan tangan tertentu dalam memastikan ia dapat dipegang dan diimbas dengan sepatutnya sepanjang penggunaannya ketika PdP.

4.3. Tema 3: Strategi

Bagi dapatan analisis tema strategi, didapati pelbagai strategi boleh diterapkan pada kad imbas. Kepelbagaian ini dapat dikenal pasti berdasarkan perkongsian setiap peserta kajian seperti dalam [Jadual 4](#) berikut:

Jadual 4: Dapatan Temu Bual bagi Tema Strategi

Peserta Kajian	Dapatan Kajian
CIKGU	"...Lepas tunjuk kad, biar sorang-sorang murid sebut. Bila dia dah paham, cikgu akan bagi kad tu biar dia tengok, tukar-tukar. Ulang-ulang...Kita akan gunakan carta, model, bahan maujud. Digunakan bersama. Kita letak, bagi mereka tengok, supaya mereka tahu, kita ulang-ulang, match...Kita ada gabungkan dengan lagu. Macam contoh <i>flashcards</i> daripada kementerian, mereka akan bagi bersama CD, buku..."
TEACHER	"...di sini kita guna strategi bermain bila guna <i>flashcards</i> ...macam contoh, permainan, untuk kelas matematik, kita sediakan span, potong-potong, kita sediakan bekas, lepas tu macam saya cakap saya nak 5 span pada pelajar, saya tunjukkan kad bernombor 5, mereka akan mengeluarkan 5 span, ambil guna penyepit dan letakkkan dalam bekas..."
SENSEI	"...Aturkan masa dengan baik. Kita gunakan <i>flashcards</i> dahulu untuk perkenalkan pada pelajar, lepastu baru kita buat latihan..." <i>"...Our entire program will cover most of the aspects of child's development, but only for flashcards, we are more focusing on cognitive, speech and languages skills. Of course, we cannot use one tool to cover all the aspects. There is no way that we can cover sensory skill by using flashcards. As for flashcards, it involves cognitive ability, listening ability, visualization ability, photographic ability, speech and languages..."</i> <i>"...For preschool class, we have a brain development activity, basically what we do, it is a new element for preschool class where we want to develop critical thinking and problem solving skills. At the same time we want to input kids and expose them to school syllabus at early age. For example, we want to teach them about magnet, we will use flashcards. Teacher will say out and the speed will be in 3 to 4 secs per card. it will be in two-way interaction. Because we want the kids to response. But we still keep it in time, do not drag too long and at the same time we give time for the kids to response. For example, we will ask them what they understand about the magnet. So, they will say like it can stick the things together..."</i>

CIKGU menjelaskan bahawa strategi yang digunakan oleh beliau ialah pengajaran satu persatu dengan kanak-kanak prasekolah, bermain, pengulangan, dan kombinasi penggunaan kad imbas bersama BBM lain dalam waktu yang sama. TEACHER juga turut menerapkan strategi bermain terhadap penggunaan kad imbas dalam PdP yang dilaksanakannya seperti mana CIKGU. Menurut TEACHER, bermain merupakan suatu keperluan kanak-kanak prasekolah dan inilah yang diterapkan oleh pusat pendidikan awal kanak-kanak (PPAKK) tempat beliau bertugas. Tambahan, TEACHER turut menyatakan bahawa beliau menggunakan strategi pengurusan masa. Didapati strategi ini membantunya untuk merancang keseluruhan PdP berdasarkan peruntukan masa untuk setiap BBM yang digunakan. Strategi yang dikemukakan oleh SENSEI pula ialah strategi penyelarasan perkembangan kanak-kanak. Kad imbas digunakan seiring untuk membantu kanak-kanak membangunkan perkembangan diri mereka terutamanya dari segi domain kognitif, pertuturan dan bahasa. SENSEI turut memberitahu bahawa strategi yang digunakan bagi kad imbas bergantung kepada tujuan penggunaannya dalam PdP kanak-kanak prasekolah. Terdapat empat tujuan utama yang dijelaskan oleh SENSEI iaitu pengaktifan otak kanan, pengintegrasian otak kanan dan kiri, pemerolehan bahasa, dan memperkembangkan ingatan segera. Selain itu, berdasarkan pemerhatian penyelidik, SENSEI juga menggunakan strategi kelajuan mengimbas kad yang berperanan untuk memastikan penggunaan kad imbas terhadap kanak-kanak prasekolah mencapai tujuannya, serta untuk menarik perhatian kanak-kanak dan penggunaan lampu serta tahap audio tertentu semasa kad imbas digunakan di dalam bilik darjah.

5. Perbincangan Kajian

Kajian ini membuktikan bahawa kad imbas merupakan suatu bahan asas yang cukup sinonim dalam bidang pendidikan khususnya pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada peringkat prasekolah. Sungguh pun, kad imbas sudah lama wujud dan digunakan iaitu sejak abad ke-19 dalam pendidikan prasekolah, namun ia masih berguna dan dihargai sehingga ke hari ini. Berdasarkan hasil penyelidikan, didapati guru prasekolah tetap menggunakan kad imbas berbentuk fizikal sebagai BBM mereka. Meski pun, kad imbas melalui perkembangan dan transformasi daripada jenis fizikal kepada digital, tetapi rata-rata guru prasekolah memilih kebaikan dan kepentingan yang dibawa oleh kad imbas fizikal. Ia masih dipilih dan digunakan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) oleh guru daripada pelbagai sektor pendidikan prasekolah pada masa kini. Malah, amalan PdP menggunakan kad imbas ini tidak diambil mudah oleh para guru. Ia dapat dikenal pasti melalui perincian yang diberikan oleh para guru dalam perkongsian mereka yang meliputi aspek pelaksanaan, teknik dan strategi penggunaannya. Aspek-aspek ini menjelaskan hubungan semasa yang wujud antara amalan PdP dan penggunaan kad imbas sebagai BBM oleh guru terhadap kanak-kanak prasekolah. Penggunaannya masih relevan sehingga ke hari ini kerana peranan khusus yang dipegang oleh kad imbas dalam menyampaikan isi kandungan PdP. Lazimnya, peranan BBM adalah untuk menyokong amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP), sehingga tujuan pelaksanaannya dapat dicapai, kerana dengan BBM, isu-isu dalam amalan PdP akan diselesaikan dan kualiti pendidikan dapat ditingkatkan (Sastrawan & Primayana, 2020). Peranan ini yang menjadikan kad imbas kekal relevan dalam bidang pendidikan.

Sungguh pun, penyelidikan ini tidak memberi tumpuan kepada konsep perbandingan, namun dapat dikenal pasti dengan jelas perbezaan-perbezaan signifikan yang wujud dalam amalan PdP dengan penggunaan kad imbas oleh para guru melalui tema-tema yang ditetapkan. Dari segi pelaksanaan, para guru masing-masing mempunyai

pendekatan tersendiri yang bergantung kepada tetapan sektor pendidikan dan budaya yang diterapkan di pusat pendidikan awal kanak-kanak (PPAKK) mereka. Analisis dapatan menunjukkan para guru menyedari dan memahami proses berserta prosedur yang terlibat. Pelaksanaan yang diuraikan oleh mereka adalah melalui perkongsian pengalaman mereka sepanjang mengendalikan kad imbas sebagai BBM dalam PdP kanak-kanak prasekolah. Bagi prasekolah kerajaan, pelaksanaannya memberi perhatian kepada konsep tema kad imbas, pendekatan induksi, subjek Bahasa, gabungan bersama BBM lain, dan standard pengurusan yang jelas. Prasekolah swasta pula menekankan pendekatan aktiviti dalam pelbagai topik PdP dan pengurusan yang minimalis. Pelaksanaan di pusat perkembangan prasekolah pula menggunakan pendekatan pengurusan standard yang kompleks, selain menjadikan kad imbas sebagai salah satu BBM utama dalam amalan PdP PPAKKnya. Akan tetapi, proses pelaksanaan bersama prosedur yang dijalani oleh para guru mempunyai asas yang sama, iaitu dimulakan dengan perancangan BBM, seterusnya diikuti penghasilan kad imbas, penyediaan kad imbas, penggunaan kad imbas semasa PdP, dan penyimpanan kad imbas. Asas ini turut diakui oleh [Ulfa \(2020\)](#) dalam analisisnya berkaitan media pembelajaran kad imbas, yang menyatakan bahawa kad imbas memerlukan suatu pelaksanaan yang lengkap agar ia layak digunakan dalam amalan PdP.

Selain itu, penerokaan amalan PdP menggunakan kad imbas dalam penyelidikan ini berjaya mengenal pasti teknik-teknik penting yang digunakan oleh para guru. Teknik-teknik tersebut ialah teknik vokal, teknik postur, dan teknik pergerakan tangan. Pengaplikasian teknik-teknik ini penting bagi menyokong penyampaian para guru semasa menggunakan kad imbas. Penggunaan kad imbas akan lebih bermakna dan berkesan dengan teknik-teknik tersebut. Analisis ini secara tidak langsung memberi input tambahan dan menjadi lanjutan kepada penyelidikan yang dilaksanakan oleh [Susilana dan Riyana \(2009\)](#) yang menyatakan bahawa penggunaan kad imbas hanya melibatkan teknik postur iaitu kad dipegang setinggi dada dan dicabut satu persatu di tangan.

Dari segi strategi penggunaan kad imbas dalam amalan PdP pula, penyelidikan ini berjaya mengenal pasti beberapa strategi yang digunakan oleh para guru. Antaranya adalah pengajaran secara satu persatu dengan kanak-kanak prasekolah, bermain, pengulangan, penggunaan kad imbas bersama BBM lain, pengurusan masa, penyelarasan perkembangan kanak-kanak, berpanduan tujuan penggunaan dalam PdP, kelajuan mengimbas, penggunaan lampu, dan tahap audio. Strategi-strategi ini penting untuk memastikan PdP mereka dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Peranan strategi-strategi tersebut disokong oleh Teori Behaviorisme yang dipelopori oleh J. B. Watson (1878 – 1958), Skinner (1904 - 1990), dan Pavlov (1894 - 1936), iaitu berkaitan rangsangan dan motivasi ([Herpratiwi, 2016](#)). Rangsangan dalam konteks penyelidikan ini ialah penggunaan kad imbas yang berpanduan strategi yang telah ditetapkan oleh guru. Dengan pengaplikasian strategi, guru dapat menarik minat kanak-kanak prasekolah dalam suatu PdP itu. Dalam pada masa yang sama, analisis dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kad imbas tidak mempunyai strategi yang tetap bagi penggunaannya. Fleksibiliti kad imbas ini telah memberi kebebasan kepada pengguna untuk mengatur strategi penggunaannya dan membuatkan ia boleh digunakan dalam pelbagai cara. Disini, guru sebagai pengguna utama perlu memainkan peranan mereka kerana seperti mana yang dibahaskan oleh [Mahamod, Yusoff, dan Ibrahim \(2009\)](#), keberkesanan amalan PdP banyak bergantung kepada guru. Oleh itu, penyelidikan ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan

kepada pelbagai pihak dalam menangani isu berkaitan penggunaan BBM khususnya kad imbas di peringkat pendidikan prasekolah.

6. Kesimpulan

Penyelidikan ini telah berjaya meneroka amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kad imbas sebagai bahan bantu mengajar oleh tiga orang guru prasekolah yang terdiri dari sektor prasekolah kerajaan, prasekolah swasta, dan pusat perkembangan kanak-kanak. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cara penggunaan kad imbas melibatkan aspek pelaksanaan, teknik, dan strategi dalam amalan PdP oleh para guru. Pada dasarnya, cara penggunaan kad imbas dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh guru prasekolah melibatkan suatu proses pelaksanaan berserta prosedur yang sistematik yang memudahkan penggunaannya, dengan suntikan teknik yang khusus untuk memastikan ia memberi makna dan efektif, dan strategi yang dinamik bersesuaian dengan penggunaannya. Kepelbagaian dalam cara penggunaannya menerusi aspek-aspek ini berkait rapat dengan ciri fleksibiliti kad imbas.

Lazimnya, tiada sebarang tetapan tetap atau standard dalam cara penggunaan kad imbas. Para guru bebas menggunakan kad imbas dalam apa acara sekali pun, namun masih perlu berpegang pada matlamat PdP dan tujuan penggunaannya. Keadaan ini memerlukan guru untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam penggunaannya. Seperti mana yang disarankan oleh [Hasan \(2012\)](#), guru sebagai seorang pendidik generasi masa hadapan perlu mempunyai semangat untuk mengubah norma dan menjadi seorang yang kreatif dan inovatif. Keperluan ini selaras dengan tuntutan kerajaan dalam pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menzahirkan harapan terhadap para guru untuk meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam PdP. Menurut pelan berkenaan, kemahiran kreativiti dan inovasi merupakan antara kemahiran pedagogi abad 21 yang harus dikuasai oleh para guru. Maka, menjadi suatu kewajipan bagi guru untuk membudayakan kemahiran-kemahiran tersebut terutamanya dalam penggunaan BBM ketika melaksanakan PdP.

Secara keseluruhannya, kad imbas sememangnya suatu bahan bantu mengajar yang unik dan dinamik. Hal ini menjadikannya sentiasa relevan untuk digunakan dalam pendidikan dan penerimaannya berterusan. Maka, menyedari akan hal tersebut, penyelidikan ini dilihat mampu menyumbang kepada pengetahuan sedia ada berkaitan kad imbas, secara khususnya dalam konteks BBM yang digunakan di dalam PdP peringkat pendidikan kanak-kanak prasekolah. Ia juga boleh membantu memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam penggunaan sedia ada dan dijadikan sebagai penanda aras serta rujukan yang baik untuk penyelidikan berkaitan penggunaan kad imbas pada masa akan datang.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua peserta kajian yang telah memberikan kerjasama sepanjang penyelidikan dijalankan. Segala maklumat yang diperoleh daripada mereka telah menjayakan penerokaan penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Penyelidikan dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Aberbach, J. D. & Rockman, B. A. (2002). Conducting and coding elite interviews. *Political Science and Politics*, 35(4), 673-676.
- Anita, E. W. (1995). *Educational Psychology*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Cho, J. & Trent, A. (2006). Validity in qualitative research revisited. *Qualitative Research*, 6(3), 319-340.
- Cohen, A. D. (1996). Second language learning and use strategies: Clarifying the issues. *Symposium on Strategies of Language Learning and Use*. Spain.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. R. B. (2004). *A guide to teaching practice (5th ed.)*. London: Routledge.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (4th ed.)*. United States of America: Pearson Education Limited.
- Dahlqvist, P. (2000). *Animations in physics learning*. Association for the Advancement of Computing in Education (AACE).
- Dewi, I. A. P. R. (2020). Pengembangan media flashcard untuk meningkatkan kemampuan mengenal warna pada anak usia dini. *Journal for Lesson and Learning Studies*, 3(3), 491-497.
- Doman, G. & Doman, J. (2006). *How to teach your baby to read*. New York : Square One Publishers.
- Green, T. & Bailey, B. (2020). Digital flashcard tools. *TechSpotting Observations of Technology Integration and Application*, 54(4), 16-18.
- Meng, E. A. (1997). *Psikologi Pendidikan 1*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hasan, A. (2012). *Instrumen Penilaian Pembimbing dalam Pelaksanaan Pembelajaran berasaskan Kerja (PBK) pelajar di Industri*. Tesis Dr Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Herpratiwi. (2016). *Teori belajar dan pembelajaran*. Yogyakarta: media akademi.
- Heri, M. & Ariana, P. A. (2018). Pengaruh media flashcard terhadap kemampuan kognitif anak usia 3-4 tahun di TPA Yayasan Pantisila Paud Santo Rafael Singaraja. *Jurnal Kesehatan MIDWINERSLION*, 3(2), 221-227.

- Hussin, S. (1996). *Pendidikan Di Malaysia, sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Garis Panduan Pengurusan Prasekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lourdes, M. d. & Silvana, T. (2011). *The importance of integrating flash cards as a visual tool in order to improve the retention of the meaning of verbs in the students of the ninth year of basic education*. Cuenca-Ecuador. Ph.D. Thesis.
- Madar, A.R., Mohaiyiddin, M. Z., Mustafa, M.Z., & Buntat, Y. (2009). Kesan penggunaan koswer terhadap tahap pencapaian pelajar berdasarkan gaya kognitif field independence. *Proceeding of the International Conference of Teaching & Learning in Higher Education (ICTLHE 09)*. Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Madeleine, F. (2010). *Everything you need to know about teaching your baby to read*. BrillKids Inc.
- Mahamod, Z., Yusoff, N. M. R. N., & Ibrahim, J. (2009). Perbandingan gaya pengajaran guru bahasa Melayu dan guru bahasa Inggeris. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 67-92
- Meng, E. A. (1996). *Psikologi pendidikan 1: Psikologi perkembangan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Neuman, W. L. (2010). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches (7th ed.)*. Alpha Books.
- Norfarizah & Zazril, M. (2016). Penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan papan pelbagai sentuh untuk pembelajaran Sains Tahun 3. *Conference Proceeding: 2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology (REKA2016)*. http://www.reka.usm.my/images/PAPER_87.pdf
- Nurdiyana, Muaz, A., & Hazwani, N. (2021). Keberkesanan aplikasi pembelajaran interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Tadika. *Jurnal Ilmi*, 11.
- Paola, J. & Esmeralda, T. (2011). *Importance of using flashcards to learn basic english vocabulary in kindergarten*. Cuenca-Ecuador. Ph.D. Thesis.
- Patton, M. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods (3rd ed.)*. CA: Sage.
- Piaw, C. Y. (2021). *Kaedah penyelidikan (Edisi Keempat)*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Robson, C. (2011). *Real World Research: A Resource for Social-Scientists and Practitioner-Researchers*. Oxford Blackwell Publishers Ltd.
- Roberto, L. (1964). *Language teaching-A scientific approach*. United States: McGraw-Hill, Inc. Print.
- Ruenwai, N. (2006). *Science and Technology Information in Thailand: Policies, Strategies and Provision*. Ph.D. Thesis. Loughborough: Loughborough University.
- Sang, K. N. (1981). Penggunaan alat pandang dengar dalam pengajaran. *Suara Pendidik*, 7(4).
- Sastrawan, K. B. & Primayana, K. H. (2020). Urgensi Pendidikan Humanisme dalam bingkai A Whole Person. Haridracarya. *Jurnal Pendidikan Agama Hindu*, 1(1), 1-12.
- Schunk, D. H. & Pintrich, P. R. (1996). *Motivation in education: Theory, research and applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Susilana, R. & Riyana, C. (2009). *Media pembelajaran*. Bandung: CV Wacana Prima.
- Ulfa, N. M. (2020). Analisis media pembelajaran flash card untuk anak usia dini. *Indonesian Journal of Early Childhood Education*, 1(1).
- Unggang, C. A. (2008). Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asas membaca di kelas pemulihan: kajian kes di lima buah sekolah Daerah Serian. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 8 (1), 84-97. <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2008/charliejn2008.pdf>